

31 DEC 2001

KEMASUKAN PBS DALAM BN UBAH SENARIO POLITIK SABAH, KATA SALLEH

KOTA MARUDU, 31 Dis (Bernama) -- Penyertaan semula Parti Bersatu Sabah (PBS) dalam Barisan Nasional (BN) dijangka akan merubah senario politik negeri tahun depan, kata Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Sabah Datuk Salleh Tun Said.

Beliau berkata suasana politik Sabah akan menjadi lebih stabil berikutan kurangnya politik yang memberi peluang kerajaan negeri menumpukan perhatian sepenuhnya kepada usaha membangunkan negeri ini.

"Perpecahan yang berterusan akan hanya menimbulkan ketidakstabilan politik di negeri ini.

"Oleh itu, kita perlu bersatu padu dan berkerjasama dalam BN bagi memudahkan pelaksanaan projek pembangunan untuk kebaikan rakyat," katanya kepada pemberita pada majlis rumah terbuka Krismas Timbalan Presiden PBS Dr Maximus Ongkili, di sini hari ini.

Pada 15 Nov lepas, Presiden PBS Datuk Joseph Pairin Kitingan menyerahkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad permohonan parti itu untuk menyertai semula BN, selepas 11 tahun meninggalkannya.

Semalam, Ketua Menteri Datuk Chong Kah Kiat menjangkakan permohonan PBS untuk menyertai semula BN akan dibincangkan oleh pemimpin-pemimpin parti komponen bulan depan.

-- BERNAMA

NT RHM